

24 JUL 1997

MENTERI-MENTERI LUAR ASEAN GESA EAEC DITUBUHKAN SECARA RASMI

Oleh: Mohd Arshi Daud

PETALING JAYA, 24 Julai (Bernama) -- Menteri-menteri luar Asean yang berada di sini kerana menghadiri mesyuarat tahunan ke-30, dijangka menggesa Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC) ditubuhkan secara rasmi dengan segera.

Dalam draft kenyataan rasmi disediakan bagi Mesyuarat Menteri-Menteri Asean Ke-30 selama dua hari yang bermula di sini hari ini, menteri-menteri luar menyatakan terdapat peningkatan kerjasama di kalangan anggota-anggota EAEC yang berpotensi.

Didorong oleh perkembangan ini, mereka melahirkan harapan perundingan itu yang dicetuskan oleh Malaysia pada 1990, akan ditubuhkan secara rasmi dengan segera bagi faedah bersama kesemua anggotanya.

Selain sembilan negara anggota termasuk Laos dan Myanmar yang diterima memasuki Asean semalam, anggota berpotensi EAEC yang lain adalah Jepun, China dan Korea Selatan.

Hubungan Asean dengan ketiga-tiga kuasa ekonomi Asia itu semakin erat sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Ketiga-tiga negara itu adalah rakan dialog Asean dan mereka membentuk blok Asia bagi Mesyuarat Asia-Eropah yang ditubuhkan tahun lalu.

Kebanyakan anggota Asean serta Jepun, China dan Korea Selatan juga menganggotai Forum Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC).

Ketua-ketua Asean juga akan menemui rakan sejawatan mereka dari ketiga-tiga negara itu dalam satu sidang kemuncak rasmi di sini Disember depan.

Malaysia mencadangkan penubuhan EAEC tujuh tahun lalu sebagai forum perundingan yang longgar bagi negara-negara di Asia Timur untuk membincangkan isu-isu ekonomi biasa terutama ketika rantau ini menjadi entiti ekonomi sejagat yang penting.

Sejak daripada itu, ia telah berkembang ke dalam cadangan Asean dengan kumpulan serantau itu memutuskan Menteri-Menteri Ekonomi Asean (AEM) akan bertanggungjawab bagi perjalanan EAEC.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang mengilhamkan EAEC sejak pertama kali ia dicadangkan, menyatakan perundingan itu akan konsisten dengan sistem perdagangan pelbagai hala.

Diplomat-diplomat Asean berkata EAEC boleh berfungsi sebagai kuasa penyatuan untuk meluahkan pandangan negara-negara Asia Timur di pelbagai mesyuarat dan forum antarabangsa.

Satu daripada rintangan utama untuk melancarkan EAEC adalah bantahan daripada Amerika Syarikat manakala Jepun masih menunjukkan kurang bersetuju.

Bagaimanapun, sektor swasta di Asia Timur memberikan pujian terhadap ide-ide itu dengan menyatakan ia akan meberikan landasan berharga bagi anggota-anggota perundingan berkenaan untuk menyatakan pendirian bersatu mereka mengenai isu ekonomi sejagat dan kemudiannya memberikan mereka faedah lebih baik daripada melaksanakan pendirian individu. -- BERNAMA

AD TCL MR ZK OS